

SULIT



SEKTOR PENGURUSAN AKADEMIK
JABATAN PELAJARAN PERAK

UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 2009
PERCUBAAN

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

Julai

50 minit

Lima puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan kamu pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika kamu hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 14 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 – 19

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 _____ bertiga akan ke Kuala Lumpur pada minggu hadapan.
- A Aku
 - B Saya
 - C Beliau
 - D Mereka
- 2 Aiman pulang ke kampung _____ ibunya sakit.
- A atau
 - B serta
 - C kerana
 - D sehingga

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah.



- 3 Ibu sedang _____ air di dapur.
- A mencedok
 - B menjerang
 - C membancuh
 - D menyimbah

- 4 Pejabat pos itu dibuka _____ pukul lapan pagi hingga pukul lima petang.
- A dari
 - B akan
 - C kepada
 - D dengan
- 5 _____ bulan Alif mengirinkan wang kepada ibunya di kampung.
- A Setiap
 - B Semua
 - C Seluruh
 - D Setengah
- 6 Semua murid perlu _____ budaya lepak dan merosakkan harta benda awam.
- A menjauh
 - B menjauhi
 - C berjauhan
 - D menjauhkan
- 7 Kakak saya _____ apabila melihat cacing yang bergumpal di dalam tempurung itu.
- A terhuyung-hayang
 - B lintang-pukang
 - C geli-geleman
 - D sedu-sedan
- 8 Jambu batu yang muda tidak sesuai dimakan kerana rasanya _____.
- A maung
 - B masam
 - C pahit
 - D kelat

- 9 Abang masih _____ berkahwin _____ dia ingin membantu keluarga.
- A akan ... apabila
 - B telah ... supaya
 - C mahu ... sambil
 - D belum ... kerana
- 10 Seruling itu hendaklah _____ dengan cara yang betul bagi menghasilkan bunyi yang merdu.
- A dihembus
 - B disedut
 - C ditiup
 - D dilap
- 11 _____ yang tampan itu sedang menggayakan pakaian tradisional.
- A Peragawati
 - B Peragawan
 - C Pramugara
 - D Pramugari
- 12 Kasut Sanjey _____ kerana dia ditimpa hujan semasa pulang dari sekolah semalam.
- A lembap
 - B kesat
 - C halus
 - D licin

Soalan 13 berdasarkan gambar di bawah.



- 13 Hasil _____ orang kurang upaya sering mendapat sambutan daripada para pelancong.
- A kraf tangan
 - B seni lukis
 - C reka cipta
 - D daya usaha
- 14 Dato' Malik sibuk dengan urusan perniagaannya. _____, beliau juga aktif dalam beberapa pertubuhan sukarela.
- A Justeru
 - B Oleh itu
 - C Lantaran
 - D Selain itu
- 15 “_____ ingin lihat negeri ini terus aman, damai dan bebas daripada sebarang ancaman,” _____ Sultan Melaka kepada para pembesarnya.
- A Patik ...kata
 - B Beta ... titah
 - C Hamba ... perintah
 - D Baginda ... sembah

Soalan 16 berdasarkan gambar di bawah.



- 16 Se _____ pengantin diarak ke pelamin oleh se _____ kompong.
- A orang ... kumpulan
 - B pasang pasukan
 - C kawan angkatan
 - D rombongan pasang
- 17 _____ lah datang ke temasya sukan yang akan dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan pada petang ini.
- A Jemput
 - B Tolong
 - C Harap
 - D Minta
- 18 Amir _____ yakin bahawa pasukan kriket sekolahnya akan menang dalam pertandingan kali ini.
- A betul
 - B amat
 - C benar
 - D sekali

Soalan 19 berdasarkan gambar di bawah.



- 19 Simpulan bahasa yang sesuai dengan gambar di atas ialah
- A batu api
 - B cuci mata
 - C ulat buku
 - D makan angin
- 20 Ayahnya ialah mantan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Serai Maju.
Perkataan seerti bagi mantan ialah
- A mapan
 - B kesan
 - C bakal
 - D bekas
- 21 Kita hendaklah sentiasa mentaati arahan ibu bapa dan guru supaya berjaya pada hari kemudian.
Perkataan berlawanan bagi mentaati ialah
- A mengungguli
 - B mengingkari
 - C mengikuti
 - D mematuhi

22 *Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberikan.*

Mengapakah peristiwa itu tidak dapat kamu lupakan?

- A Peristiwa itulah yang mengajar saya erti kasih sayang.
- B Saya akan berusaha untuk melupakan peristiwa itu.
- C Peristiwa itu berlaku ketika saya bermain di pantai.
- D Saya tidak mungkin dapat melupakan peristiwa itu.

23 *Pilih ayat tanya yang sesuai bagi ayat di bawah.*

Saya bersekolah di MRSM Taiping sejak tahun 2005.

- A Di manakah kamu bersekolah?
- B Mengapakah kamu bersekolah?
- C Siapakah yang bersekolah di MRSM Taiping?
- D Bilakah kamu bersekolah di MRSM Taiping?

Soalan 24 - 25

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

24 Kereta yang baru dibasuh oleh ayah kelihatan bersih dan berkilat.

- A Ayah baru sahaja membasuh kereta yang bersih dan berkilat itu.
- B Kereta itu kelihatan bersih dan berkilat kerana baru dibasuh oleh ayah.
- C Ayah telah membasuh kereta baru itu hingga kelihatan bersih dan berkilat.
- D Kereta yang bersih dan berkilat itu kelihatan baru kerana telah dibasuh oleh ayah.

25 Penduduk Kampung Seri Makmur bergotong-royong untuk membersihkan taman permainan.

- A Taman permainan dibersihkan oleh penduduk Kampung Seri Makmur secara bergotong-royong.
- B Taman permainan telah dibersihkan oleh penduduk Kampung Seri Makmur yang rajin bergotong-royong.
- C Penduduk Kampung Seri Makmur selalu membersihkan taman permainan di kampung mereka secara bergotong-royong.
- D Penduduk Kampung Seri Makmur akan bergotong-royong apabila hendak membersihkan taman permainan.

Soalan 26 - 27

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.

- 26 A Majlis itu lanjut hingga petang.
B Masalah buli masih lanjut hingga hari ini.
C Datuk masih mengerjakan sawah walaupun usianya sudah lanjut.
D Sumaiyah Nabilah bercita-cita untuk lanjut pelajaran ke luar negara.
- 27 I Banyak orang yang menarik akan keperibadiannya itu.
II Perbarisan lintas hormat itu telah menarik perhatian ibu bapa yang hadir.
III Anggota penyelamat menarik beberapa orang mangsa yang lemas ke tepi sungai.
IV Majikan itu menawarkan imbuhan yang menarik kepada pekerjanya yang menunjukkan prestasi yang cemerlang.
- A I dan II
B II dan IV
C I, II dan III
D II, III dan IV

Soalan 28 - 30

Pilih ayat yang betul.

- 28 A Kedua orang budak lelaki itu bercita-cita untuk menjadi doktor.
B Pendidikan agama dapat membentuk insan yang mulia.
C Ibu membeli sebatang rebung di pasar malam.
D Khairul suka makan telur sesetengah masak.

- 29 I Lain-lain peserta telah terpilih untuk menyertai acara itu kecuali Aida.
II Puan Dora Qistina ialah pemilik Salun Kecantikan Dora.
III Perlawanan badminton itu diadakan di mini stadium.
IV Sate yang dibelinya masih mentah dan liat.
A I dan II
B II dan IV
C III dan IV
D I, III dan IV
- 30 I PIBG memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah.
II Kerajaan telah memanggil semua rakyat-rakyatnya yang berada di luar negara pulang ke Malaysia
III Perlawanan bola sepak itu terpaksa ditangguhkan kerana hujan lebat.
IV Adik menangis bila digigit semut api ketika bermain di padang.
A I dan III
B II dan III
C II, III dan IV
D I, II, III dan IV

Soalan 31 - 35

Baca ucapan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Yang saya hormati Tuan Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Guru Besar Sekolah Kebangsaan Serai Murni, Encik Salihin Yahya, guru kelas Tahun Enam Gemilang, Puan Hazimah Abdullah, dan rakan-rakan sekalian. Salam sejahtera saya ucapkan.

Saya ingin mengambil kesempatan dalam majlis yang mulia ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Salihin, Cikgu Hazimah Abdullah, dan rakan-rakan kerana sudi mengadakan majlis jamuan dan penyampaian sijil untuk meraikan kejayaan saya sebagai murid terbaik sekolah ini.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa saya tidak menyangka sama sekali akan terpilih sebagai Murid Bestari pada tahun ini. Sebagaimana yang saya ketahui, sebanyak enam orang murid lagi telah mendapat keputusan cemerlang dan layak untuk merebut anugerah ini. Mereka ialah Mohd. Hafiz Amran, Kamaludin, Ah Chong, Wong, dan Kishen. Mereka ini sememangnya sering mendapat keputusan yang memberangsangkan dan aktif dalam kokurikulum. Amran dan Wong telah mendapat 5A dalam UPSR serta telah mewakili sekolah dalam pelbagai acara sukan manakala Kishen dan Kamaludin bukan sahaja memperoleh keputusan 5A dalam peperiksaan, malahan mereka telah terpilih untuk mewakili daerah dalam acara bola baling dan olahraga. Begitu juga dengan Mohd Hafiz dan Ah Chong yang cemerlang dalam mata pelajaran Matematik, Sains, dan Bahasa Melayu yang telah terpilih untuk mewakili sekolah ke peringkat daerah dalam acara renang dan tenis.

Hadirin sekalian,

Selain memperoleh 5A dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, saya juga telah mewakili negeri serta menjadi johan dalam tiga bidang permainan, iaitu olahraga, badminton, dan bola jaring. Bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh guru-guru serta kerjasama daripada rakan-rakan seperjuangan merupakan pendorong kepada saya sehingga meraih kejayaan. Saya berasa bangga kerana telah dipilih sebagai Murid Bestari sekolah ini. Kepada mereka yang tidak terpilih, janganlah berputus asa.

Saya berharap agar sekolah ini dapat *mempertahankan* prestasi yang dicapai dan dapat merangkul kejuaraan dalam sebarang pertandingan yang disertai pada tahun hadapan. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang turut menjayakan majlis ini. Sekian.

31 Berapa orangkah yang dicalonkan untuk merebut gelaran Murid Bestari?

- A lima orang
- B enam orang
- C tujuh orang
- D lapan orang

- 32 Pernyataan yang berikut merupakan harapan murid yang menyampaikan ucapan **kecuali**
- A semoga rakan-rakannya yang tidak terpilih sebagai Murid Bestari tidak berputus asa.
 - B semoga sekolahnya mempertahankan prestasi kecemerlangan dalam segala aspek.
 - C semoga kawan-kawannya berlatih dengan lebih giat dan bersemangat.
 - D semoga dia akan terpilih sebagai Murid Bestari pada masa hadapan.
- 33 Apakah tujuan majlis ini diadakan?
- A untuk memberikan peluang kepada Murid Bestari berucap
 - B untuk memperingati jasa Murid Bestari
 - C untuk memilih Murid Bestari
 - D untuk meraikan Murid Bestari
- 34 Perkataan *mempertahankan* dalam petikan bermaksud
- A meneguhkan
 - B mengekalkan
 - C meneruskan
 - D menguatkan
- 35 Apakah faktor yang membezakan murid yang berucap dengan murid-murid cemerlang yang lain?
- A mewakili beberapa acara permainan di peringkat negeri
 - B memperoleh keputusan akademik yang lebih cemerlang
 - C mendapat bimbingan dan dorongan daripada guru
 - D mendapat undian terbanyak daripada guru

Soalan 36 - 40

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pemuda gagah menumbuk padi,
Padi berasal dari seberang;
Kalau hidup tidak berbudi,
Tentu hina dipandang orang.

Waktu pagi menuai padi,
Duduk berehat menghilang penat;
Hidup biar menabur budi,
Pasti diingat sepanjang hayat.

Pergi ke Daik waktu pagi,
Hendak membeli ubi sengkayang;
Baik-baik menabur budi,
Agar budi tidak terbuang.

Tinggi bukit gilang-gemilang,
Nampak dari Tanjung Jati;
Budi sedikit masakan hilang,
Tetap dikenang sampai ke mati.

Jual kain berkodi-kodi,
Dijual oleh pemuda tampan;
Tersingkap di sini kisah budi,
Sebagai renungan dan teladan.

36 Apakah jenis puisi di atas?

- A syair
- B sajak
- C pantun
- D gurindam

37 Mengapakah kita disuruh berbudi?

- A supaya kita dihormati
- B supaya kita dikenang
- C supaya kita sentiasa dikenang dan dihormati
- D supaya kita kerap dipuji, dikenang dan disanjung tinggi.

- 38 Pilih pernyataan yang **tidak benar** berdasarkan puisi
- A Orang yang berbudi sentiasa dihormati masyarakat.
 - B Orang yang berbudi sentiasa dikenang walaupun sudah tiada.
 - C Orang yang berbudi walaupun sedikit tetap diingati jasanya.
 - D Orang yang berbudi sedikit akan hilang daripada ingatan orang.
- 39 Peribahasa yang paling sesuai dengan maksud rangkap keempat dalam puisi ialah
- A harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama
 - B orang berbudi kita berbahasa orang memberi kita merasa
 - C buat baik berpada-pada buat jahat jangan sekali
 - D carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum juga
- 40 Perkataan *tersingkap* dalam petikan membawa maksud?
- A tersebutlah
 - B terbongkar
 - C ternampak
 - D tercerita

KERTAS SOALAN TAMAT